



INFO@HEPA

# SEMINAR Resume Bergaya Temuduga Cemerlang

Oleh: Pn. Wan Saniah Wan Yahya

Pada 10 April 2011, telah berlangsung Program Seminar Resume Bergaya Temuduga Cemerlang anjuran bersama antara Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP, Unit Kaunseling & Kerjaya dan Yayasan Bank Rakyat. Program tersebut yang berlangsung selama satu hari bertempat di Pusat Kejuruteraan UniMAP dan telah disertai oleh seramai lebih kurang 180 orang pelajar UniMAP.

Program berkenaan telah memberi pendedahan kepada peserta tentang penulisan resume yang betul disamping persediaan yang perlu bagi menghadapi sesi temuduga. Semasa program berkenaan, para peserta telah di beri peluang untuk menyertai sesi latihan temuduga sebagai gambaran kepada temuduga sebenar. Sepanjang program tersebut, rata-rata para peserta memberikan maklumbalas positif mengenai program berkenaan dan berharap akan diadakan lagi pada masa akan datang.

